

## Taburkan benih harapan kepada dunia

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus mendesak kaum muda di seluruh dunia untuk mempersiapkan Tahun Suci 2025 dan Jubileum Kaum Muda di Roma, yang akan diadakan pada tahun 2027.

Dalam dua tahun sebelum Jubileum Kaum Muda, keuskupan-keuskupan di seluruh dunia akan merayakan Hari Belia Sedunia di peringkat lokal pada Hari Raya Kristus Raja, yang jatuh pada November 26 tahun ini dan November 24 pada tahun hadapan.

“Bersukacitalah dalam pengharapan,”

yang menjadi tema pesan tahun ini, “adalah dorongan Santo Paulus kepada umat di Roma pada saat mereka sedang mengalami penganiayaan yang kejam,” tulis Bapa Suci.

“Sukacita dalam pengharapan” ini, tulisnya, “bukanlah hasil usaha, rencana, atau keterampilan manusia, melainkan energi yang lahir dari perjumpaan dengan Kristus.

“Sukacita umat Kristian berasal dari Tuhan sendiri, dari pengetahuan kita akan kasih-Nya kepada kita.”

“Harapan umat Kristian adalah perayaan



Hari Belia dirayakan di peringkat lokal pada Nov 26 tahun ini dan Nov 24 pada tahun hadapan.

kasih Kristus yang bangkit, yang selalu berada di sisi kita, bahkan ketika Dia tampak jauh dari kita,” ujar Bapa Suci dalam pesan yang diterbitkan pada November 14.

“Saya mendorong semua kaum muda

untuk memilih gaya hidup yang didasarkan pada harapan,” seru Sangti Papa.

● Ikuti ringkasan pesan Sri Paus selanjutnya di mukasurat BM7.

# Natal di Yerusalem: Bukan waktu normal

**YERUSALEM:** Natal di Betlehem dan Tanah Suci tahun ini akan menjadi salah satu perayaan yang penuh syahdu, doa dan puasa kata para patriark dan pemimpin Gereja di Yerusalem yang menyeru umat Kristian agar tidak mengadakan “kegiatan perayaan yang tidak perlu” semasa perayaan Natal tahun ini dan “membangun solidariti” dengan mereka yang menghadapi penderitaan perang, lebih fokus pada makna Natal.

“Sejak perang meletus, hanya ada suasana kesedihan dan kesakitan. Ribuan warga sivil tidak berdosa, termasuk wanita dan kanak-kanak, menemui maut atau menderita luka serius,” kata mereka dalam pesan Natal bertarikh November 10 tentang “Perayaan Adven dan Natal di Tengah Peperangan.”

“Masih ramai orang yang berduka atas kehilangan rumah mereka, kehilangan orang-orang yang mereka cintai, atau nasib mereka dan orang-orang dikasihi yang tidak menentu. Malah ribuan lagi kehilangan pekerjaan dan menderita kerana cabaran ekonomi serius.”

Menurut Kementerian Kesihatan di Gaza, yang diperintah oleh Hamas, lebih dari 11,100 warga Palestin telah maut sejak Oktober 7.

Meskipun mereka berulang kali menyeru gencatan senjata dan mengurangi eskalasi kekerasan, perang terus berlanjut, kata para pemimpin Gereja itu dalam pesan mereka.

Mereka mengatakan meskipun masa Adven yang biasanya merupakan masa yang penuh kegembiraan dan persiapan perayaan Natal, “ini bukanlah waktu yang normal.”



Seorang biarawati dan patriark menenangkan para umat yang berkabung setelah serangan udara yang memusnahkan bangunan bersebelahan dengan Gereja Ortodoks Yunani St. Porphyrios pada Oktober 19.

“Kami menyeru kepada umat beriman agar tetap teguh di tengah-tengah penderitaan pada tahun ini dan tidak mengadakan kegiatan perayaan yang tidak perlu,” kata para pemimpin Gereja.

“Kami juga mendorong para paderi dan umat beriman untuk lebih fokus pada makna Natal dalam kegiatan pastoral dan perayaan liturgi mereka sepanjang musim ini, dengan semua fokus diarahkan untuk mengingat

sesama kita yang terkesan dengan perang ini dan dengan doa yang sungguh-sungguh untuk perdamaian yang adil dan abadi bagi Tanah Suci kita tercinta.”

Para patriark juga mengajak umat beriman untuk “berdoa dan menyumbang dengan murah hati” semampu mereka untuk membantu para korban perang dan orang-orang yang memerlukan.

“Dengan cara ini, kami percaya, kami da-

pat menyokong mereka yang terus menderita – seperti yang Kristus lakukan bersama kita dalam Inkarnasi-Nya, agar semua umat Tuhan dapat menerima harapan akan Yerusalem Baru di hadapan mereka, di mana ‘kematiannya tidak akan ada lagi, tidak ada lagi perkabungan, tidak ada tangisan, tidak ada rasa sakit, kerana hal-hal yang lama sudah berlalu’ (Wahyu 21:4),” tulis para patriark tersebut. — ucanews/OSV News

# Pasif yang membawa berkat

Kadang-kadang kita adalah yang paling membantu dan memberi kehidupan pada masa-masa kita paling tidak berdaya.

Kita semua pernah melalui situasi ini. Semasa kita berada di pengebumian dan tidak ada apa-apa untuk dikatakan untuk mengurangkan rasa sakit hati seseorang yang telah kehilangan orang tersayang.

Kita berasa janggal dan tidak berdaya. Kita ingin berkata atau melakukan sesuatu, tetapi tiada apa yang boleh dikatakan atau dilakukan, selain hanya berdiri dan berada di sana, memeluk orang yang sedang meratap kesedihan, dan berkongsi ketidakberdayaan.

Sungguh pelik, tetapi ketidakberdayaan kitalah yang paling membantu dan menjana dalam situasi itu. Kepasifan kita lebih membuahkan hasil dan membantu daripada kita aktif melakukan sesuatu.

Kita melihat gambaran ini dalam Yesus. Dia memberi nyawa dan kematian-Nya untuk kita — tetapi dalam masa yang berasingan.

Dia memberikan nyawa-Nya untuk kita melalui tindakan-Nya dan kematian-Nya untuk kita melalui kepasifan-Nya, iaitu melalui ketidakberdayaan.

Sesungguhnya, kita boleh membahagikan setiap Injil kepada dua bahagian yang jelas. Sebelum ditangkap di Taman Getsemani, Yesus adalah yang aktif: Dia mengajar, Dia menyembuhkan, Dia melakukan mukjizat, Dia memberi makan kepada ribuan orang. Kemudian, selepas Dia ditangkap, Dia tidak melakukan apa-apa: Dia

digari, dibawa pergi, diadili, disebat, dan disalibkan. Namun, dan inilah misterinya, kita percaya bahawa Dia memberi kita lebih banyak pada masa itu pasif itu, ketika Dia tidak dapat melakukan apa-apa, berbanding sepanjang masa Dia aktif.

Kita lebih diselamatkan melalui kepasifan dan ketidakberdayaan-Nya daripada tindakan-Nya yang berkuasa semasa pelayanannya. Bagaimana ianya berfungsi? Bagaimanakah ketidakberdayaan dan kepasifan boleh menjana besar sedemikian rupa?

Sebahagiannya ini adalah misteri, tetapi kita dapat memahami sebahagian daripadanya melalui pengalaman kita sendiri.

Sebagai contoh, seorang ibu yang penyayang yang meninggal dunia di hospis, dalam keadaan koma, tidak boleh bercakap, tetapi adakalanya, dalam keadaan itu boleh mengubah hati anak-anaknya dengan lebih kuat berbanding apa yang dilakukannya (yang begitu banyak) bertahun-tahun sebelum ibu itu menghembuskan nafas terakhir. Apakah logiknya di sini? Dengan prinsip metafizik bagaimana ia berfungsi?

Biar saya mulakan secara abstrak dan tekankan soalan ini sebelum meneroka jawapan. Para pemikir ateistik tentang “Pencerahan” (Nietzsche, Feuerbach, Marx, dan lain-lain) menyatakan komentar kritis terhadap agama dan pengalaman keagamaan.

Pada pandangan mereka, semua pengalaman keagamaan hanyalah unjuran subjektif, tidak lebih. Bagi mereka, dalam kepercayaan dan amalan agama kita, kita selama-



lamanya mencipta tuhan mengikut imej dan rupa kita sendiri, untuk melayani kepentingan diri kita (Ini bertentangan dengan apa yang dipercayai oleh orang Kristian.)

Bagi Nietzsche, misalnya, tidak ada wahyu ilahi yang datang dari luar kita, tidak ada Tuhan di syurga yang mendedahkan kebenaran ilahi kepada kita.

Menurut mereka, segala-galanya adalah diri kita yang mengungkapkan, memenuhi keperluan kita dan mencipta tuhan untuk memenuhi keperluan tersebut. Mereka berpendapat, semua agama adalah mementingkan diri sendiri, ia adalah hasil perbuatan atau kemahuan manusia.

Sejauh mana kebenaran ini? Salah seorang profesor paling berpengaruh yang saya kagumi, seorang Yesuit, Michael Buckley, membalas kritikan tersebut: *Pemikir-pemikir itu 90% betul. Tetapi mereka 10% salah - dan 10% itu menyatakan perbezaan*

yang sangat besar.

Buckley menyatakan komentar ini sambil memetik ajaran John of the Cross sebagai “malam jiwa yang gelap”.

Apakah “malam gelap jiwa”? Ini adalah pengalaman di mana, secara imaginasi, kita tidak lagi dapat merasakan Tuhan atau merasakan Tuhan secara afektif, apabila rasa kewujudan Tuhan mengering di dalam diri kita dan kita ditinggalkan dalam kegelapan agnostik, tidak berdaya (dalam minda, hati dan jiwa) untuk membayangkan apa-apa tentang kehadiran Tuhan.

Walau bagaimanapun, dan inilah hakikatnya, tepatnya kerana kita tidak berdaya dan statik, tidak dapat memahami sebarang konsep imaginasi atau perasaan afektif tentang Tuhan, kini, Tuhan dapat mengalir atau memasuki ke dalam hati kita, tanpa kita menyedari atau merasai pengalaman aliran Roh Tuhan mengalir dalam diri kita.

Apabila semua usaha kita tidak berguna, barulah rahmat boleh mengambil alih dan mengalir ke dalam kita dalam kekudusan-Nya. Sesungguhnya, begitulah cara semua wahyu yang sejati memasuki dunia kita.

Ketika ketidakberdayaan manusia menyebabkan kita tidak mampu memikirkan Tuhan yang selalu melayani kepentingan diri kita, pada ketika itulah, Tuhan mengalir ke dalam hidup kita tanpa gangguan.

Ini juga berlaku dalam cinta manusia. Begitu banyak cinta kita antara satu sama lain, walau-

pun kita tulus, diwarnai oleh kemahuan diri sendiri dan pada satu ketika mementingkan diri sendiri. Dalam beberapa cara, kita secara tidak sedar, membentuk mereka yang kita cintai mengikut imej, rupa dan kemahuan kita sendiri. Walau bagaimanapun, seperti yang berlaku pada kritikan Buckley terhadap ahli-ahli pemikir ateistik aliran “Pencerahan” ini tidak selalu berlaku.

Terdapat situasi tertentu apabila semua tindakan kita tidak dapat mencemarkan cinta dan menjadikannya mementingkan diri sendiri.

Apakah situasi tersebut? Tepatnya semasa kita dalam keadaan tidak berdaya, bisu, ter-gagap, tidak dapat mengutarakan kata-kata atau melakukan apa-apa yang berguna.

Dalam “malam-malam gelap jiwa” tertentu ini, apabila kita benar-benar tidak berdaya untuk membentuk pengalaman, kasih sayang dan rahmat boleh mengalir ke dalam jiwa kita dengan kemurnian dan kekuatannya.

Dalam karya klasiknya *The Divine Milieu*, Pierre Teilhard de Chardin mencabar kita untuk membantu orang lain melalui aktiviti kita dan melalui kepasifan kita.

Dia betul. Kita boleh menjadi penyalur tenaga aktif melalui apa yang kita lakukan secara aktif untuk orang lain, dan kita masih dapat menjadi tenaga aktif meskipun kita berdiri secara pasif bersama mereka yang tidak berdaya. **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

## Kasih itu menguduskan

Bagi kita umat Kristian, Yesus Kristus adalah Raja kita dan seluruh alam semesta.

Yesus Kristus adalah raja yang menyelamatkan dan memberi kita kehidupan dengan mengorbankan seluruh hidupnya untuk keselamatan dunia. Marilah kita mengagungkan dan memuliakan Dia dalam hidup kita setiap hari.

Pada zaman dahulu raja-raja di seluruh dunia sungguh berkuasa sekali memerintah negeri mereka. Mereka dapat melakukan apa sahaja yang mereka mahu dan inginkan untuk memuaskan kepentingan diri sendiri.

Mereka dianggap sebagai yang mahakuasa atau tuhan oleh rakyat mereka. Jutaan orang telah menderita dan mati terkorban berperang demi menyelamatkan raja mereka supaya dia terus dapat berkuasa.

Tetapi pada zaman sekarang kebanyakan raja tidak lagi mempunyai kuasa untuk memerintah negara mereka.

Mereka hanya menjadi simbol perpaduan dan pemimpin agama negara mereka. Raja-raja dunia dahulu kala menjadi bahan sejarah untuk muzium negara mereka pada masa kini.

Hari ini merupakan minggu terakhir dalam kalendar liturgi kita di mana kita merayakan Minggu Kristus Raja. Dalam perayaan hari ini, kita mengakui bahawa Yesus Kristus adalah raja kita yang berkuasa untuk selama-lamanya.

Firman Tuhan pada hari ini mengajak kita untuk merenung secara mendalam maksud sebenar pengakuan kita bahawa Yesus adalah raja alam semesta dan apa artinya bagi kita berada di dalam kerajaan-Nya.

Bacaan pertama hari ini mengatakan bahawa Tuhan adalah gembala umat Israel. Raja-raja orang Israel dianggap sebagai wakil Tuhan dan mereka telah diberi kuasa Ilahi sebagai penggembala umat Tuhan. Tetapi malangnya ramai di antara mereka tidak taat melaksanakan tanggungjawab mereka seperti yang diharapkan oleh Tuhan.

Cara mereka memerintah tidak bersesuaian dengan kehendak Tuhan. Mereka tidak memerintah dengan adil. Mereka tidak prihatin terhadap rakyat yang lemah dan yang memerlukan. Maka Tuhan berjanji kepada

umat Israel bahawa dia sendiri yang akan menggembalakan mereka dengan keadilan. Dia akan menyelamatkan mereka yang tersesat dan hilang.

Bagi kita umat Kristian, apa yang dijanjikan oleh Tuhan itu telah menjadi kenyataan dalam diri Yesus Kristus, Raja Semesta Alam seperti yang dinyatakan dalam bacaan Injil hari ini.

Dia adalah raja atas segala raja yang akan datang untuk mengadili semua orang pada hari pengadilan pada akhir zaman.

Pada waktu itu, dia akan duduk di takhta pengadilan dan mengadili siapa semua orang yang akan layak memasuki kerajaannya.

Dinyatakan dengan jelas dalam Injil bahawa tahu memanggil nama Tuhan bukanlah jaminan untuk memasuki kerajaan syurga.

Setia melakukan kehendak Tuhan iaitu mengasihi dan melayani sesama terutama sekali mereka yang memerlukan adalah jaminan untuk memasuki kerajaan syurga.

Sebab dengan mengasihi dan melayani mereka yang miskin dan kelaparan, mereka yang

**HARI RAYA BESAR  
KRISTUS RAJA SEMESTA ALAM**  
*YEHEZKIEL 34:11-12, 15-17*  
*1 KORINTUS 15:20-26, 28*  
*INJIL MATIUS 25:31-46*

sakit dan menderita, mereka yang dipenjarakan dan yang disisih oleh masyarakat adalah mengasihi dan melayani Tuhan.

Mengasihi dan prihatin terhadap mereka yang memerlukan merupakan tanggungjawab utama umat Kristian.

Mari kita bertanya pada diri sendiri, bilakah kita pernah melakukan sesuatu atau membantu orang yang memerlukan bantuan?

Pernahkah kita melayani Kristus Raja melalui peribadi saudara-saudari kita yang miskin, yang dipandang hina dan disisih oleh masyarakat kita?

Sikap mementingkan keperluan diri sendiri membuatkan kita buta dan tidak dapat melihat orang memerlukan bantuan di sekeliling kita termasuk ahli ke-

uarga kita sendiri.

Khabar gembira yang kita rayakan hari ini adalah bahawa kita mempunyai Raja yang tidak seperti dengan raja-raja di dunia ini. Dia adalah Raja yang sungguh prihatin terhadap keperluan kita dan menguatkan kita sewaktu kita lemah.

Santo Paulus dalam bacaan kedua menyatakan bahawa Kristus adalah yang telah berkorban menderita dan mati untuk menyelamatkan semua orang di dalam dunia ini.

Melalui Dia, kerajaan Tuhan telah menjadi kenyataan bagi kita dan Dia akan datang kembali pada akhir zaman untuk mengumpulkan semua orang yang berkenan kepadanya memasuki kerajaan abadi di syurga. — **Santapan rohani**

## Relik Sto Aloysius Gonzaga 'kunjungi' Mantin selepas 123 tahun



MANTIN, Negeri Sembilan: Pada Hari Raya Orang Kudus yang lalu, umat Gereja St Aloysius mengalu-alukan peninggalan berharga santo penaung mereka.

Paderi paroki, Fr Christopher Soosai Pillai, mempersembahkan peninggalan atau relik seorang Santo semasa perayaan Ekstrasiti.

Relik Sto Aloysius Gonzaga, yang diperoleh selepas permohonan kepada Postulator Umum (Postulator Generalis) Yesuit, disambut dengan penuh hormat oleh umat beriman. Penghormatan kepada relik Sto Aloysius Gonzaga ini buat julung kalinya dilakukan selepas 123 tahun Gereja St Aloysius dibina di Mantin, dan selepas kematian ke-432 orang kudus itu.

Relik itu juga disertai dengan sijil ketulenan. Dokumen itu menyatakan, "Kami mengesahkan telah mengeluarkan zarah daripada peninggalan tulen tulang Sto Aloysius Gonzaga, seorang ahli rohaniawan Yesuit. Sebagai kesaksian tentang perkara-perkara itu, kami menyertakan surat-surat bukti ini, yang dimat-erai dengan mohor kami yang sah."

# Penginjilan dalam konteks Asia, Sinode

PULAU PINANG: Komisi Episkopal untuk Komunikasi Sosial Serantau (RCSC) Konferensi para Uskup Katolik Malaysia-Singapura-Brunei (CBCMSB) mengadakan mesyuarat hibrid pada November 3-5 lalu.

Dua puluh tujuh delegasi, terdiri daripada perwakilan, ahli dan pemerhati dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Kuching, Kota Kinabalu, Keuskupan Pulau Pinang, Melaka Johor, Sibul, Sandakan, Keningau, dan Vikariat Apostolik Brunei, telah hadir.

Enam belas perwakilan berada di Pusat Retrat Stella Maris di Pulau Pinang, manakala 11 yang lain menyertai dalam talian. Mesyuarat ini adalah lanjutan mesyuarat RCSC dalam talian yang diadakan pada Ogos 25, 2023.

Pengerusi yang bakal mengundurkan diri, Fr Thomas Madanan, mengetuai Angelus sebelum menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Beliau mengongsikan pandangan tentang penginjilan dalam konteks Asia dan Sinode, menekankan kepentingan mendengar danewartakan Berita Baik dengan kepekaan terhadap aliran kontemporari.

Dalam era Kecerdasan Buatan (AI), cabarannya adalah lebih besar dan memerlukan pendekatan yang mengikut situasi dan keperluan iman serta peka terhadap tanda-tanda zaman.

Diakon George Vaithynathan,



Pertemuan tahunan RCSC di Pulau Pinang

dari Keuskupan Pulau Pinang, mengendalikan dua sesi tentang kuasa transformatif mendengar dan memupuk empati melalui telinga hati.

Beliau menyentuh kepentingan mendengar empati dan amal, menekankan bagaimana komunikator dapat menggunakan platform mereka untuk memupuk empati serta terlibat dalam mendengar secara aktif melalui bimbingan Roh.

Sesi kedua meneroka seni komunikasi hati dengan menjawab, "Apakah komunikasi Hati?"

Sesi ini membincangkan tentang mengenali dan mengurus emosi, memahami halangan bahasa, perbezaan budaya, prasangka serta bagaimana mengendalikan perbualan yang sukar.

Mendekati situasi-situasi tersebut melalui kecerdasan emosi dan kejujuran sepenuhnya, boleh mengubah situasi tersebut menjadi peluang untuk pertumbuhan peribadi dan penyelesaian konflik.

RCSC menggunakan Latihan Perbualan Rohani untuk meneliti tema, "Bagaimanakah kita boleh meningkatkan pendengaran kita?" Para hadirin dibahagikan kepada tiga kumpulan fizikal dan satu kumpulan dalam talian, dan setiap kumpulan berkongsi penemuan mereka.

Antara penemuan yang diperoleh ialah mendengar adalah satu bentuk memupuk kasih sayang kepada orang lain, kepentingan mendengar dalam keluarga, dan kepentingan mendedikasikan ma-sa untuk mendengar Tuhan.

Sebelum RCSC berakhir, pemilihan pemegang jawatan dalam RCSC diadakan secara fizikal dan dalam talian melalui Kod QR dan pautan.

Berikut merupakan ahli-ahli baru komiti RCSC selama dua penggal:

**Pengerusi:** Daniel Roy Santiyagu (Keuskupan Pulau Pinang)

**Naib Pengerusi:** Fr Sixtus Pitah Amit, OFM (Keuskupan Melaka-Johor)

**Setiausaha:** Sandriana Anne (Keuskupan Agung Kota Kinabalu)

**Penolong Setiausaha:** Rogena Roger Sining (Keuskupan Sandakan).

Diumumkan Mesyuarat RCSC seterusnya ialah di Keuskupan Sibul pada Jun, 2024.

## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Perbezaan agama akibat dosa manusia?

**Soalan:** Banyak negara yang mempunyai perbezaan agama, suku, budaya, bahasa, dan lain-lain. Perbezaan ini mudah dijadikan sarana untuk menimbulkan permusuhan antara sesama. Apakah perbezaan ini akibat daripada dosa manusia seperti yang terjadi pada Menara Babel? — Mikhael Gerardus

**Jawaban:** Pertama, kalau memperhatikan kisah Menara Babel (Kej 11:1-9), kita memang mudah menyimpulkan bahawa perbezaan bahasa (dan lain-lainnya) terjadi sebagai akibat dosa manusia.

Kisah Menara Babel dimulakan dengan ungkapan "ada pun seluruh bumi satu bahasanya dan loghatnya" (ay.1). Kerana kesombongannya yang hendak menyamai Tuhan dengan membangun menara, manusia dihukum Tuhan. Bahasa manusia dikacau-bilaukan sehingga mereka tidak dapat mengerti satu sama lain dan kemudian manusia diserakkan ke seluruh bumi (ay.7-9).

Kedua, kisah Menara Babel tidak boleh ditafsirkan secara harfiah dan terpisah daripada kisah-kisah lain dalam konteksnya. Kisah ini lebih baik ditafsirkan

sebagai penegasan bahawa perbezaan-perbezaan (a.l. bahasa, tempat tinggal) menyebabkan kesulitan untuk bekerjasama di antara manusia, bahkan juga boleh menimbulkan permusuhan. Sebabnya ialah kesombongan manusia.

Perbezaan-perbezaan itu memang sudah ada sebelum manusia jatuh ke dalam dosa kesombongan. Jadi, perbezaan-perbezaan itu bukan merupakan akibat dari dosa.

Satu bab sebelum kisah Menara Babel, iaitu dalam Kitab Kejadian 10, dinyatakan secara jelas adanya perbezaan-perbezaan di antara bangsa-bangsa.

Perbezaan itu tidak dilihat sebagai akibat dari dosa atau sebagai kurangnya kemampuan nalar manusia, melainkan sebagai berkat yang diberikan Tuhan kepada keturunan Nuh. "Itulah keturunan Yafet, masing-masing di tanahnya, menurut kaum dan bangsa mereka" (ay.5).

Ungkapan perbezaan manusiawi ini dikatakan lagi, baik untuk keturunan Ham (ay.20) mahupun untuk keturunan Sem (ay.31). Akhirnya disimpulkan, "Itulah segala kaum

kanak-kanak Nuh menurut keturunan mereka, menurut bangsa mereka. Dan dari mereka itulah berpancar bangsa-bangsa di bumi setelah air bah itu" (ay.32).

Sebagai berkat daripada Tuhan, perbezaan-perbezaan itu merupakan kekayaan bersama, sekaligus mencerminkan kekayaan Tuhan yang diberikan kepada umat manusia. Setiap bangsa mempunyai kekayaan yang dapat disumbangkan untuk kekayaan bersama sebagai umat manusia.

Tidak ada bangsa yang sudah sedemikian kaya sehingga tidak dapat diperkaya oleh bangsa lain.

Demikian juga tidak ada bangsa yang sedemikian miskin sehingga tidak bisa memberikan sumbangan kepada kebersamaan. Kekhususan masing-masing tidak digunakan sebagai alat pembeza dalam hal kehormatan atau perlakuan. Kemajmukan dilihat sebagai kekayaan bersama yang mencerminkan kekayaan Tuhan, Sang Pencipta.

Ketiga, dengan mengatakan bahawa "itulah segala kaum anak-anak Nuh," penulis suci hendak mengatakan setiap suku bangsa di dunia ini berkait antara satu sama lain, membentuk satu keluarga

umat manusia, sekalipun berbeza tempat tinggal, bahasa, dan keturunannya.

Perbezaan adalah faktor alami yang tidak perlu membuat mereka terpisah atau bahkan bermusuhan.

Seperti setiap anak dalam keluarga adalah berbeza, demikianlah perbezaan harus disikapi. Setiap suku bangsa dicintai oleh Tuhan secara khusus, di manapun tinggal, apa pun bahasa dan keturunannya.

Ajaran penting yang juga dapat ditarik daripada Kejadian 10 ialah adanya kesetaraan di antara bangsa-bangsa. Tidak ada negara yang dipandang lebih tinggi daripada yang lain atau menjadi pusat sejarah umat manusia. Kesetaraan dalam Kejadian 10 hendak menyinkirkan gagasan bahawa ada bangsa atau suku tertentu yang dipandang sebagai mutlak.

Jika ada bangsa yang dipilih Tuhan (Kej 12:3), hal itu bukan kerana keunggulan kudratnya, tetapi melulu hanya kerana pilihan bebas Tuhan. Bangsa itu dipilih untuk membawa kepenuhan janji Tuhan kepada semua suku bangsa di dunia ini. Jadi, segala suku bangsa mempunyai asal-usul dan tujuan yang sama. — Fr Petrus Maria Handoko CM, [hidupkatolik.com](http://hidupkatolik.com)

# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada hari Minggu ini kita merayakan Hari Raya Besar Kristus Raja Semesta Alam.

Adik-adik, Yesus adalah Raja sejati dan kekal. Dia adalah alfa dan omega. Dia merajai dunia dan kerajaan-Nya kekal.

Yesus bukan seperti raja di dunia yang mempunyai istana, kereta mewah, perhiasan mahal dan sebagainya, tetapi Yesus adalah raja yang sangat merendahkan diri, amat mengasihi kita sehingga sanggup mati untuk kita!



Pada hari ini, melalui Injil-Nya, Yesus menyeru kita untuk terus melakukan kebaikan kerana jika kita menolong orang lain samalah ertinya kita menghormati dan memuliakan Tuhan.

Tahukah adik-adik bahawa Yesus berjalan bersama kita di dunia ini? Dia berjalan dalam rupa orang yang miskin, yang terpinggir, migran, pelarian dan yang kelaparan.

Dengan melayani orang-orang yang memerlukan ini, kita melayani Kristus, Raja Semesta Alam!

Antie Melly

Sambungkan no 1-22 dan jangan lupa mewarnakannya



Apabila \_\_\_\_\_ Manusia datang dalam \_\_\_\_\_ - Nya dan semua \_\_\_\_\_ bersama-sama dengan Dia, maka Dia akan \_\_\_\_\_ di atas \_\_\_\_\_ kemuliaan-Nya

takhta

Anak

kemuliaan

Malaikat

bersemayam



LENKAPKAN GAMBAR DI BAWAH:



Diberkatilah Dia yang datang sebagai Raja dalam nama Tuhan, damai sejahtera di syurga dan kemuliaan di tempat yang mahatinggi! (Lukas 19:38)

# BELIA MILENIUM



## Pada masa suram: BERHARAPLAH!



Setiap belia berpotensi menjadi garam dan terang dunia – Sri Paus Fransiskus

**TAKHTA SUCI:** “Kristus hidup! Dia adalah harapan kita, dan Dia membawa keremajaan kepada kita dengan menakjubkan!” demikian antara pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Belia Sedunia peringkat Keuskupan ke-38 pada November 26, 2023.

Dalam pesannya bertema, “Bergembira dalam Harapan”, Bapa Suci Fransiskus mengatakan bahawa harapan Kristian bukanlah “optimisme mudah” tetapi kesedaran bahawa Tuhan hadir di tengah-tengah kita.

Prelatus itu memberi beberapa cadangan strategi untuk mengekalkan dan berkongsi pemikiran positif semasa menghadapi masa gelap.

### Putus asa

“Bersukacitalah dalam Harapan”, tema pesan Hari Belia Sedunia Sri Paus Fransiskus ialah petikan dari Surat Sto Paulus kepada jemaat di Roma.

Merenungkan kata-kata Santo itu, Bapa Suci berkata bahawa “masa muda adalah masa yang penuh dengan harapan dan impian, dipacu dan digerakkan oleh banyak perkara indah yang memperkaya kehidupan kita.”

Walau bagaimanapun, kita hidup pada masa krisis, peperangan, apabila “bagi ramai orang, termasuk golongan muda, harapan kelihatan tidak ada.”

“Ramai yang merasa seolah-olah mereka berada dalam penjara yang gelap, di mana cahaya matahari tidak dapat masuk.”

Dalam situasi seperti itu, “Bagaimanakah kita dapat mengalami kegembiraan dan harapan yang dikatakan oleh Santo Paulus?”

### Jalan menuju Harapan

Bapa Suci memberikan beberapa cadangan konkrit:

“Yang pertama: mengiktiraf bahawa harapan bukanlah “hasil usaha, rancangan atau kemahiran manusia kita. Sebaliknya lahir daripada pertemuan dengan Kristus. Sukacita Kristian datang daripada Tuhan sendiri, daripada pengetahuan kita tentang kasih-Nya kepada kita.”

“Harapan Kristian”, jelas Sri Paus, “bukanlah optimisme yang mudah, ia adalah kepastian, berakar pada cinta dan iman, bahawa Tuhan tidak pernah meninggalkan kita dan tetap setia kepada janji-Nya: ‘Walaupun aku berjalan di lembah paling gelap, aku tidak takut bahaya, kerana Engkau bersamaku,’ (Mazmur 23:4-6).”

Kaedah kedua: untuk mengekalkan harapan di tengah-tengah penderitaan, adalah dengan mengakui bahawa “kita juga boleh menjadi sebahagian daripada jawapan Tuhan untuk masalah itu.”

“Dicipta oleh-Nya dalam imej dan rupa-Nya, kita boleh menjadi tanda kasih-Nya, yang memberikan kegembiraan dan harapan walaupun dalam situasi yang kelihatan tiada harapan,” katanya.

Kaedah ketiga: Harapan dipupuk dengan doa. Doa memelihara dan memperbaharui harapan. Ia menjadi kipas yang menyalakan api.

“Doa adalah kekuatan pengharapan yang pertama. Anda berdoa, dan

harapan tumbuh dan bergerak ke hadapan” (*Katekismus, 20 Mei 2020*). Berdoa adalah seperti mendaki ke puncak gunung: dari tanah, matahari boleh disembunyikan oleh awan, tetapi apabila kita mendaki mereka, cahaya dan kehangatannya menyelubungi kita. Apabila kita melihat sekali lagi, matahari itu sentiasa ada, walaupun segala-galanya di sekeliling kita kelihatan gelap dan suram.

Kaedah keempat: Harapan dipupuk oleh keputusan harian kita. Jemputan Sto Paulus untuk bersukacita dalam pengharapan (Rom 12:12) memerlukan pilihan konkrit dalam kehidupan seharian kita. Bapa Suci menyeru kaum muda untuk memilih gaya hidup yang berasaskan harapan.

Contohnya: media sosial. Ia sentiasa kelihatan lebih mudah untuk berkongsi perkara negatif daripada memberi orang lain harapan.

Maka Sri Paus mencadangkan: setiap hari, cuba kongsi satu perkataan yang membawa harapan dengan orang lain.

Cuba semai benih harapan dalam kehidupan rakan-rakan anda dan semua orang di sekeliling anda kerana “harapan adalah kerendah hatian, ia adalah kebajikan yang dibina setiap hari hari... Kita perlu ingat setiap hari bahawa kita memiliki buah pertama Roh, yang bekerja di dalam kita melalui perkara-perkara kecil” (*Morning Meditation, 29 Oktober 2019*).

Sebelum mengakhiri pesannya, Sri Paus meminta kaum muda khususnya yang terlibat dalam pelayanan belia untuk membaca Dokumen Akhir 2018 dan Ekshortasi Apostolik *Christus Vivit*. – *media Vatikan*



Bapa Suci menyeru kaum muda agar selalu berkongsi harapan, sukacita dan memberi harapan kepada sesama.

# Pemimpin Buddha, Kristian bicara tentang karuna dan agape

BANGKOK: Seorang pegawai tinggi Vatikan menyeru para pemimpin pelbagai agama untuk menjadi "perintis perubahan" melalui cinta dan pengertian berdasarkan dialog antara agama.

"Bersama sebagai umat Kristiani dan Buddha, kita dapat menjadi perintis perubahan yang menunjukkan bahawa cinta dan pengertian melampaui batas-batas agama dan budaya," kata Kardinal Miguel Ángel Ayuso Guixot, prefek Dikasteri Dialog Antara Agama Vatikan.

Kardinal Sepanyol berusia 71 tahun itu menyampaikan kenyataan tersebut semasa merasmikan Kolokium Buddha-Kristian Kali Ketujuh yang bertema "Karunā dan Agape dalam Dialog untuk Menyembuhkan Kemanusiaan dan Bumi yang Terluka" pada November 13 lalu.

Konferensi yang berlangsung

pada 13-16 November diadakan di Universiti Mahachulalongkornrajavidyalaya, sebuah universiti Buddha, di Bangkok, ibu kota Thailand, demikian yang dilaporkan *Radio Veritas Asia* (RVA).

Para delegasi dari pelbagai agama dari beberapa negara termasuk Kamboja, Hong Kong, India, Jepun, Malaysia, Mongolia, Myanmar, Singapura, Sri Lanka, Korea Selatan, Thailand, Taiwan, dan England menyertai konferensi tersebut.

Phra Brahmmapundit, Ketua Biara Buddha di kuil Prayurawongsawat di Bangkok, dan beberapa pegawai Buddha menjadi penyampai sesi utama.

Brahmapundit menekankan empat keadaan fikiran luhur – cinta kasih, kasih sayang, kegembiraan, dan keseimbangan batin – yang menurutnya dapat memungkinkan

"orang biasa hidup bersama dalam damai dan kerja sama penuh."

## Seruan untuk persatuan

Uskup Agung Peter Bryan Wells, Duta Besar Vatikan untuk Thailand dan Kamboja serta delegasi Vatikan untuk Laos, dalam ucapannya semasa pertemuan tersebut, menekankan bahawa konsep *karuna* (belas kasih) dan *agape* (cinta) adalah masing-masing merupakan inti dari agama Buddha dan Kristian, dan memperingatkan bahawa jurang ekonomi serta kerapuhan alam ciptaan pada ketika ini.

"Kita hidup pada masa yang penuh cabaran. Bumi sedang menghadapi krisis iklim yang mungkin belum pernah terjadi sebelumnya dan terdapat peningkatan jurang serta ketidakadilan di dunia. Jurang yang miskin dan kaya juga semakin melebar," kata Uskup Agung Wells.



Gambar file: Bapa Suci Fransiskus bertemu dengan para pemimpin Buddha semasa berkunjung ke Yangon pada tahun 2017.

Uskup Agung Wells menyerukan kepada para delegasi untuk bekerja sama mengatasi krisis sosial dan iklim yang dihadapi dunia.

"Saya percaya, kita yang

berkumpul di sini dapat mengatasi pelbagai cabaran asalkan kita aktif membantu, menyokong dan mempromosi kasih sayang serta cinta," kata prelatus itu. — *ucanews.com*

## Undang-undang pendidikan baharu China kawal pelajaran agama

BEIJING: China meluluskan "Undang-undang Pendidikan Patriotik," seterusnya mengetatkan lagi kawalan Parti Komunis China ke atas pendidikan, termasuk pendidikan agama, lapor media kerajaan, *Xinhua* pada bulan lalu.

Undang-undang baharu tersebut, yang disahkan dalam sidang Komite Tetap Kongres Rakyat Nasional, akan mewajibkan Gereja dan perkumpulan agama un-

tuk menyesuaikan kegiatan pendidikan mereka bagi mempromosi ideologi rasmi parti tersebut.

"Negara adalah untuk membimbing dan menyokong kumpulan agama, institut agama, dan tempat-tempat di mana aktiviti keagamaan dijalankan dalam konsep pendidikan patriotik, meningkatkan pengenalan profesional agama dan penganut dengan China tanah besar, orang Cina, bu-

daya Cina, Parti Komunis China, dan sosialisme dengan ciri-ciri Cina," kata undang-undang baharu itu.

Undang-undang itu seterusnya mengatakan bahawa "semua peringkat dan jenis sekolah hendaklah mempunyai pendidikan patriotik yang merangkumi keseluruhan kursus pendidikan sekolah" dan "ibu bapa atau penjaga kanak-kanak di bawah umur yang

lain hendaklah memasukkan cinta akan tanah air dalam pendidikan keluarga."

Pendidikan patriotik telah menjadi kemestian Parti Komunis China sejak Revolusi Maois untuk menerapkan ideologi rasmi parti. Konsep ini diulangi semasa tempoh pergolakan sosial, iaitu semasa Revolusi Kebudayaan dan selepas pembunuhan beramai-ramai Dataran Tiananmen 1989.

Xi Jinping telah mengubah arah pendidikan patriotik, menyokongnya dengan doktrin ideologi "peremajaan hebat rakyat China."

Mantera ini sebahagiannya berpusat pada kebangkitan budaya Cina, tetapi sebenarnya berteraskan "menegakkan kepimpinan Parti Komunis China dan sosialisme dengan ciri-ciri Cina." — *ucanews.com*

## Laporan UNICEF: 35 juta kanak-kanak hadapi bahaya kekurangan air

VATIKAN: Menurut laporan UNICEF, satu dari tiga kanak-kanak di seluruh dunia, tinggal di wilayah yang mempunyai batasan akses terhadap air.

Laporan ini memperingatkan bahawa ancaman perubahan iklim semakin memburukkan situasi menjelang 2050, kerana 35 juta kanak-kanak diperkirakan akan mengalami kekurangan air.

Dalam laporan UNICEF, "739 juta kanak-kanak di seluruh dunia sudah tinggal di wilayah yang mengalami kekangan air dan perubahan iklim semakin memburukkan lagi keadaan ini".

Malah akses dan kebersihan air minum juga menempatkan kanak-kanak menghadapi risiko penyakit dan kematian yang lebih besar," kata Dana Kanak-kanak-kanak PBB.

Laporan bertajuk *The Climate Changed Child*, yang diterbitkan sebelum COP28, memberikan analisis mengenai kesan tiga tahap ketahanan air secara global – kekangan akses air, kebersihan air, dan kekurangan air.

UNICEF menekankan banyak penyebab penyakit seperti pencemaran udara, cuaca ekstrem seperti banjir dan kekeringan yang menyebabkan kanak-kanak paling menderita.

Menurut laporan tersebut, "Sejak bayi dalam kandungan sehingga mereka tumbuh dewasa, kesihatan dan perkembangan otak, paru-paru, sistem kekebalan tubuh, dan fungsi penting lainnya pada kanak-kanak dipengaruhi oleh lingkungan tempat mereka membesar."

Kerana kanak-kanak pada umumnya bernafas lebih cepat dibandingkan orang dewasa, otak, paru-paru, serta organ tubuh lainnya yang masih berkembang, maka mereka lebih lebih terkesan dengan pencemaran udara dibandingkan orang dewasa, kata laporan tersebut.

Direktor Eksekutif UNICEF, Catherine Russell, mengatakan "Impak perubahan iklim sangat buruk bagi kanak-kanak. Tubuh dan fikiran mereka sangat lemah terhadap pencemaran udara, gizi pemakanan tidak berkhasiat dan kepanasan ekstrem."



Kanak-kanak mengumpul air di sepanjang pinggir jalan di Jalalabad, Afghanistan.

"Tidak hanya dunia mereka yang berubah – dengan sumber air yang mengering dan kejadian cuaca buruk yang semakin sering terjadi – kesihatan, kesejahteraan dan mental mereka juga terganggu akibat perubahan."

Direktor Eksekutif percaya bahawa "Kanak-kanak menuntut perubahan, namun keperluan mereka sering kali diabaikan."

UNICEF juga kesal kerana semakin ramai kanak-kanak menghadapi beban ganda iaitu kekurangan akses air bersih dan cuaca ekstrem, yang tentu saja membahayakan nyawa, kesihatan, dan kesejahteraan mereka.

"Ini adalah salah satu penyebab utama kematian kanak-kanak di bawah usia lima tahun akibat penyakit yang sebenarnya dapat dicegah," tegas UNICEF. — *media Vatikan*



## Peperangan tidak sebanding satu nyawa manusia

VATIKAN: Meskipun negara-negara mempunyai hak untuk membela diri dan bertanggungjawab untuk melindungi warganegaraanya, "tidak ada perang yang sebanding dengan hilangnya satu nyawa kerana ia adalah makhluk suci yang diciptakan menurut gambar dan citra Sang Pencipta," demikian pesan Paus Fransiskus kepada para peserta Forum Perdamaian Paris.

"Tidak ada perang yang sebanding dengan air mata seorang ibu yang melihat anaknya dibunuh," kata pesan tersebut. "Tidak ada perang yang sebanding dengan kehancuran rumah kita bersama."

Uskup Agung Celestino Migliore, Duta Besar Vatikan (Nunsio) untuk Perancis, membacakan pesan tersebut pada November 10, hari pertama forum bertema "Seeking Common Ground in a World of Rivalry."

Forum dua hari itu dihadiri para pemimpin kerajaan, usahawan dan orang awam.

"Pada saat kita tidak berdaya menyaksikan meningkatnya konflik bersenjata, dengan penderitaan yang menyertainya, ketidakadilan, dan kerosakan yang terjadi sukar memperbaiki pada rumah kita bersama," kata Bapa Suci yang berharap agar forum itu menjadi tanda harapan.

Tahun ini menandai peringatan 75 tahun Forum itu mengadopsi Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia.

Pesan tersebut menyatakan, namun "kita harus mengakui bahawa bagi jutaan orang di setiap benua, ada jurang yang wujud terus-menerus di antara komitmen serius yang dibuat pada Disember 10, 1948, dan kenyataan ia masih belum dapat dijabatani."

"Perdamaian tidak dibangun dengan senjata, namun melalui pendengaran yang sabar, dialog dan kerja sama, yang tetap menjadi satu-satunya cara yang layak dilakukan manusia untuk menyelesaikan perbedaan," kata pesan tersebut. — *ucanews.com*

## DOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

# Pastikan 'minyak jiwa' sentiasa penuh

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menyeru umat beriman untuk menyuburkan 'minyak jiwa' setiap hari, untuk bersedia bagi Tuhan dan untuk orang lain.

Prelatus itu berkata demikian semasa menyampaikan renungan sempena doa Angelus Hari Minggu, di Dataran Sto Petrus, pada November 12 lalu.

Bapa Suci memberikan renungan Injil karangan Sto Matius, yang berpusat pada kisah perumpamaan tentang sepuluh gadis yang dipanggil keluar untuk men yambut pengantin lelaki.

Menurut Bapa Suci, bacaan itu menawarkan makna kehidupan bagi setiap orang.

## Sepuluh perawan dan pelita mereka

Dalam petikan Injil itu, sepuluh gadis yang menunggu pengantin lelaki, lima daripadanya membawa minyak yang cukup untuk pelita mereka semasa menunggu, manakala lima gadis pula kehabisan minyak untuk memasang pelita mereka.

Lima gadis yang bersedia untuk menyambut kedatangan pengantin lelaki mendapat berkat.

Sri Paus mengatakan, walaupun sepuluh pengantin itu berada di sana untuk menyambut pengantin lelaki dengan menunggu dan mempunyai pelita, perbezaannya ialah kebijaksanaan gadis-gadis itu. Yang bijak dalam membuat persediaan rapi manakala yang lima lagi adalah lalai atau "bodoh".

Orang-orang yang bijaksana, "menyediakan kendi minyak bersama pelita mereka iaitu unsur ghaib yang menghasilkan cahaya. Namun, orang bodoh, sebaliknya, tidak me-



Gambar ilustrasi: Jangan abaikan "minyak kehidupan batin" dan kita harus selalu menyediakannya. — Sri Paus Fransiskus.

lukkannya."

Tambah Sri Paus, "Dan apakah ciri minyak itu? Ia tidak dapat dilihat: ia berada di dalam lampu, ia tidak mudah dilihat, tetapi tanpanya lampu tidak memberi cahaya."

## Apa yang kita sediakan?

Sri Paus menggesa umat beriman untuk melihat kaitan perumpamaan ini dalam kehidupan mereka sendiri.

"Mari kita melihat diri kita sendiri. Mungkin, hidup kita juga sedang menghadapi risiko yang sama.

Yesus menegaskan, "bahawa kebijaksanaan hidup ialah menjaga hati bukan luaran."

Sri Paus menggelar kebijaksanaan ini, se-

bagai "pengurusan kehidupan batin," yang tahu bagaimana untuk berhenti dan mendengar hati seseorang, untuk menjaga fikiran dan perasaan sendiri, dan memberi ruang untuk diam dan mendengar.

Atas sebab ini, Sri Paus meminta umat beriman untuk bertanya kepada diri mereka sendiri bagaimana "persiapan" dengan soalan-soalan seperti: Apakah yang saya sediakan dalam hidup ini? Rumah? Simpanan wang dan harta?

Memikirkan hal-hal ini adalah baik. Tetapi fikirkan juga adakah kita mendedikasikan masa untuk berdoa, untuk berkhidmat kepada orang lain, mendengar orang lain, memelihara ciptaan? — *media Vatikan*

## Apabila sudah lama tidak mengaku dosa....

Musim Adven bakal menjelang. Sepanjang musim Adven, Gereja sentiasa membukakan pintunya untuk menerima umatnya datang mengaku dosa.

Jika anda sudah lama tidak mengaku dosa dan anda perlu mengingat kembali cara mengaku dosa, jangan risau! Artikel ini dapat membantu anda menyiapkan diri dan melakukan pengakuan dosa dengan baik.

Berikut lima hal yang sangat penting anda lakukan sebelum mengaku dosa.

### 1. Ambil tahu bila pengakuan dosa diadakan

Kebanyakan Gereja melayani pengakuan dosa setiap minggu dan ada juga yang melayani pengakuan dosa setiap hari.

Gereja juga pasti akan mengeluarkan jadual Sakramen Pengakuan dengan ramai paderi. Jika jadual di Gereja anda tidak sesuai dengan anda, cuba hubungi paderi paroki anda untuk pengakuan peribadi.

Ini idea yang bagus jika anda pernah meninggalkan Gereja, melakukan dosa besar, atau sudah lama tidak mengaku dosa.

### 2. Benar-benar menyesali dosa-dosa anda

Dasar pertobatan dan pengakuan dosa adalah perasaan benar-benar menyesal. Untuk menunjukkan kepada Tuhan penyesalan yang tulus, lakukan pengakuan dosa ngan tulus dan bertekad untuk menolak melakukan perbuatan dosa lagi.

Ini tidak bererti, anda tidak akan pernah



berdosa lagi; kita umat manusia melakukan dosa setiap hari. Tetapi anda haruslah bertekad untuk berusaha menjauhi situasi-situasi yang dapat membuat anda berdosa — ini sudah termasuk sebagai pertobatan.

### 3. Lakukan pemeriksaan batin

Renungkan dosa yang telah anda lakukan dan mengapa perbuatan itu merupakan dosa. Renungkan rasa sakit yang dialami Tuhan kerana dosa itu dan kerana dosa itu, Yesus menjadi lebih menderita di kayu salib.

Ajukan pertanyaan-pertanyaan ini kepada diri anda semasa melakukan pemeriksaan batin: *Bila kali terakhir saya mengaku dosa? Apakah saya melakukan*

*pengakuan dosa secara tulus dan lengkap pada masa itu.*

*Apakah saya ada membuat janji khusus kepada Tuhan pada masa itu? Apakah saya memenuhi janji tersebut? Apakah saya melakukan dosa besar sejak pengakuan dosa yang terakhir? Apakah saya taat kepada Sepuluh Perintah Tuhan? Apakah saya pernah meragukan iman saya?*

### 4. Baca Alkitab

Ayat yang bagus untuk memulai iaitu 10 Perintah Tuhan dalam Keluaran 20:1-17 atau Ulangan 5:6-21.

Bagaimana mungkin dosa-dosa kita diampuni? "Tetapi kalau ada yang berbuat dosa, maka kita mempunyai seorang pembela, yaitu Yesus Kristus yang adil itu; Ia akan memohon untuk kita di hadapan Bapa. Dengan perantaraan Yesus Kristus itulah dosa-dosa kita diampuni." (1 Yohanes 2:1,2).

### 5. Seringlah berdoa sebelum hari mengaku dosa

Berdoalah kepada Roh Kudus untuk membimbing anda dan membantu anda mengingat dan merasakan penyesalan tulus atas dosa-dosa anda.

Mungkin berdoa seperti ini: "Datanglah Roh Kudus, terangilah fikiranku agar aku sungguh mengerti dosa yang telah aku perbuat, sentuhlah hatiku agar aku menyesali dosa-dosaku, dan agar aku memperbaiki diri. Amen." — *iKatolik*

## PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

## Iman tanpa perbuatan – mati

Para paderi dan orang awam di gereja sepatutnya berdiri dan memperjuangkan hak asasi manusia serta melindungi golongan miskin dan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual. Bagaimanapun, ramai paderi dituduh dan ada yang disabitkan kesalahan kerana mendera kanak-kanak dan jenayah itu disembunyikan oleh uskup dan paderi.

Kita tahu bahawa seorang pedofil mempunyai ramai mangsa sepanjang hayat mereka. Pada tahun 2022, laporan *Associated Press* mengatakan lebih 23,000 paderi dan pekerja Gereja, dari 1945 hingga sekarang, menghadapi tuduhan penderaan seksual kanak-kanak, namun hanya sedikit yang pernah disabitkan kesalahan.

Beratus-ratus ribu kanak-kanak dirogol dan didera secara seksual setiap hari di seluruh dunia.

Di Filipina dan negara-negara seperti Sepanyol, Portugal, Amerika Syarikat, Australia, Ireland, United Kingdom, Jerman, Switzerland, dan Australia, sejarah penderaan seksual kanak-kanak yang dilakukan oleh klerus dan pekerja Gereja, telah tersebar luas.

Penderaan kanak-kanak berlaku boleh berlaku di setiap tempat, di rumah oleh ibu bapa dan saudara mara, di sekolah oleh guru dan pelajar yang lebih tua, di Gereja oleh klerus dan orang awam, di rumah anak yatim dan tempat perlindungan oleh kakitangan, di jalanan, dan lebih-lebih lagi, di bar, kelab malam, rumah pelacuran dan hotel. Malah, ia berlaku di mana-mana tempat terpencil oleh sesiapa sahaja.

Hari ini terdapat kesedaran yang lebih besar dan undang-undang yang lebih kuat untuk menghukum pendera. Ada kemarahan dan sikap tidak bertoleransi yang semakin meningkat dalam masyarakat terhadap keganasan seksual terhadap kanak-kanak.

Pendedahan terbaru penderaan kanak-kanak yang dilakukan oleh klerus adalah di Sepanyol. Jumlah mangsa keganasan seksual oleh paderi dianggarkan 200,000 atau lebih.

Suruhanjaya penyiasatan bebas terkini, yang diketuai oleh Angel Gabilondo, mencabar dan mengkritik uskup kerana diam, tidak bertindak, menafikan dan tidak bekerjasama. Dalam laporan terperinci setebal 700 mukasurat, Angel mengatakan, "apa yang telah berlaku adalah mungkin kerana ia didiamkan dan disembunyikan."

Kesan daripada begitu banyak skandal penderaan kanak-kanak gereja dan kegagalan uskup dan paderi untuk mempertahankan hak asasi manusia dan keadilan mengakibatkan ratusan ribu umat tidak lagi menghadiri Misa. Mereka telah hilang kepercayaan kepada institusi tetapi tidak semestinya iman mereka mati.

Tindakan sosial Katolik yang kuat dan aktif untuk keadilan, serta merupakan agen perubahan sosial, dan sangat dihormati — sudah berlalu.

Kini, hanya beberapa uskup dan paderi yang berani bersuara dan mengambil pendirian untuk keadilan sosial. — *Father Shay Cullen, UCA News*

*\*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan editorial UCA News dan HERALD.*

### KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

## Kursus Evangelisasi Peribadi hibrid bermula di Sabah



Fr Erik menerima buku kursus KEP III daripada Pengerusi Penganjur KEP3 Dr Fredie Robinson sambil disaksikan oleh Sr Dariah, Ketua Komisi Kateketikal KK.

KOTA KINABALU: Seramai 265 peserta telah mendaftar Kursus Evangelisasi Peribadi (KEP) Angkatan ketiga.

Seramai 134 peserta dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, 84 dari Keuskupan Keningau dan 47 dari Keuskupan Sandakan serta seorang dari Keuskupan Pulau Pinang dan Keuskupan Agung Kuala Lumpur, menyertai kursus ini.

Misa Kudus pembukaan dan Pelancaran KEP III berlangsung pada Oktober 28 bagi Keuskupan Agung Kota Kinabalu telah disempurnakan oleh Fr Erik Jerome selaku Penasihat Rohani Komiti Kateketikal Keuskupan Agung Kota Kinabalu di Gereja St Paul Dontozidon, Penampang.

Bagi Keuskupan Keningau dan Sandakan,

Misa Kudus pembukaan dan pelancaran diadakan di keuskupan masing-masing pada Oktober 29.

Fr Erik Jerome dalam ucapannya berkata "Anda harus berbangga dan ikuti kursus ini untuk memantapkan iman sebelum keluar menginjil khususnya di kalangan mereka yang masih belum mengenal Yesus."

Selaku Pengerusi Kursus Evangelisasi Peribadi III, Dr Fredie Robinson dalam ucapannya berkata, "Selamat maju jaya bagi yang mengikuti kursus ini sama ada secara fizikal mahupun talian."

Acara diakhiri dengan penyerahan buku Misi Evangelisasi dan Buku *Evangelii Nuntiandi* kepada semua para peserta.

Pada tahun ini, KEP akan berlangsung

sehingga tahun hadapan secara hibrid iaitu fizikal dan atas talian. Sebelum ini, KEP Angkatan pertama dan kedua, hanya dijalankan atas talian disebabkan pandemik Covid-19.

### Tujuan KEP

Kata 'Peribadi' bererti menjemput umat untuk menerima dan menghayati "Khabar Baik" di dalam dirinya sendiri terlebih dahulu menghayati kehidupan Kristiani yang autentik.

Menerima kehadiran Kristus yang nyata dalam hidupnya dan untuk mengalami perubahan visi dan tingkah laku dan kemudian untuk membawakan "Khabar-Baik" ini pada sesama secara individu kepada individu lain. — *Aveil Olga*

## Rev Bradley Belly, paderi kedua dari Kudat

KUDAT: Seorang pemuda Dusun Rungus dari daerah Kudat, tidak pernah terfikir untuk menjadi paderi, namun akhirnya ditahbis pada November 8 lalu di Gereja St Peter, Kudat.

Setelah 18 tahun, akhirnya Rev Bradley Belly, paderi kedua yang ditahbis berasal dari Kudat. Paderi pertama dari Kudat ialah Fr Paul Lo yang kini melayani di Katedral Sacred Heart Kota Kinabalu.

Ritus pentahbisan dipimpin oleh Uskup Agung John Wong, dibantu oleh 46 orang paderi dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keningau, Sandakan dan Kuching.

"Diakon Bradley yang dikasihi, kini anda telah dinaikkan ke jabatan imam. Anda harus berjuang menyampaikan ajaran-ajaran Kristus. Berusaha memperhatikan undang-undang Tuhan, percaya kepada Firman Tuhan, mengajar tentang iman dan terjemahkan apa yang kalian wartakan dalam aksi serta tindakan konkrit," kata Uskup Agung John Wong semasa menyampaikan mandat untuk calon paderi.

"Ingatlah bahawa anda dipilih dari ribuan umat Tuhan. Jalankan misi Kristus dan lakukannya dengan kasih Tuhan dengan mengutamakan Dia daripada diri sendiri. Sentiasalah meneladani Sang Gembala yang Baik, yang datang bukan untuk dilayani, sebaliknya melayani dengan rendah hati, menolong mereka yang susah dan mencari mereka yang telah sesat," pesan Uskup Agung John Wong.

Selepas ritus pentahbisan, Fr Bradley mengungkapkan rasa syukur dan terima kasihnya kepada Uskup Agung John Wong sebagai selebran Misa pentahbisan imam, semua paderi khususnya paderi paroki St Peter, Fr Rayner Bisius, keluarga dan rakan-rakan, khususnya tim penganjur yang mempersiapkan upacara pentahbisan pada hari itu.

Uskup Agung John Wong mengumumkan bahawa Fr Bradley akan diutus untuk melayani di Paroki Tuaran.

### Diminta 'berehat'

Setelah tamat pengajiannya di Seminari



Paderi baharu ditahbis, Fr Bradley Belly memberkati sebuah keluarga selepas ritus pentahbisan pada Nov 8, 2023.

Tinggi Sto Petrus, Kuching, Fr Bradley diberikan cuti dua tahun oleh formatornya untuk merenung lebih dalam akan panggilan.

"Pada mulanya saya berasa kecewa tetapi apabila saya merenung dengan lebih dalam, saya merasakan inilah salah satu peluang saya untuk merenung kembali panggilan saya melalui pekerjaan yang saya lakukan," kata Fr Bradley.

Ternyata alam pekerjaan selama dua tahun itu bukan sahaja mengasah pembentukan Bradley sebagai paderi tetapi juga keperibadian dan kemanusiaan.

"Selepas dua tahun. Saya mengambil keputusan untuk kembali semula kepada pelayanan saya dahulu dan dengan berkat Tuhan, Bapa Uskup Agung John Wong

menerima saya untuk pembentukan paderi yang seterusnya sehinggalah saya ditahbis sebagai diakon pada Mac 8, 2023.

Fr Bradley anak sulung dari lima beradik hasil perkongsian hidup Belly George Luting (bapa berbangsa Dusun) dan Jani @ Jenny Osuin (ibu, berbangsa Rungus).

Kepada para belia, dan mereka yang masih terdapat akan panggilan mereka, Fr Bradley berpesan agar jangan takut menyahut panggilan Tuhan untuk menjadi paderi atau religius.

Tegasnya, "Beranilah untuk menyahut panggilan Tuhan. Jangan pernah berhenti percaya kepada Tuhan kerana Dia tidak pernah meninggalkan anda" (Yohanes 14:18).

## Chapel St Martin de Porres sambut ulangtahun ke-35



Ulangtahun ke-35 Chapel St Martin de Porres

DURIAN TUNGGAL, Melaka: Sebuah chapel dibawah naungan paroki Our Lady of Guadalupe (OLG), Chapel St. Martin de Porres, merayakan ulangtahun ke-35 pada November 2-5 lalu dengan tema, "Menjadi Garam dan Terang Dunia."

Ia dipersiapkan dengan Tridum. Tridum pertama bermula November 2, bertemakan 'Persekutuan (inklusif)'. 'Inklusif' bermaksud kita berkumpul atas nama Yesus Kristus, tiada siapa yang dikecualikan dan melayani semua orang seperti teladan yang ditunjukkan oleh Sto Martin de Porres.

Tridum kedua diadakan pada keesokan harinya dengan tema 'Penyertaan (kreatif)' yang mengingatkan umat bahawa

setiap orang yang dibaptis dipanggil untuk menyertai (terlibat) dalam misi Yesus.

Hari terakhir Tridum yang bertema 'Misi (pembinaan jambatan)' dimulakan dengan Adorasi Sakramen Mahakudus diikuti dengan Misa Kudus. Umat diingatkan akan empat fokus misi iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi dan Masyarakat. Hadirin juga diingatkan bahawa misi umat di chapel ini harus selaras dengan misi yang telah ditetapkan oleh Keuskupan Melaka Johor.

Kemuncak perayaan Santo Penaung Sto Martin de Porres ialah pada November 5 yang dimulakan dengan ibadat Kerahiman Ilahi diikuti Misa Kudus yang dipimpin oleh paderi paroki, Fr Joseph Heng Chon Sin. — *AJK Chapel St Martin de Porres*